

SEWAH TAKUWEH
Banded Bay Cuckoo

FAMILI: Cuculidae
NAMA SAINTIFIK: *Cacomantis sonneratii*



CIRI-CIRI

Bagi burung dewasa ia bersaiz lebih kecil dan lebih kemerahan. Bagi burung juvenil pula, ia mempunyai garis-garis melintang yang berwarna putih atau kuning keorenan pada bahagian tepi kepala, atas kepala dan belakang badan, mempunyai topeng yang kurang jelas dan lebih kasar, manakala pada bahagian kepala dan badan, garis-garis gelap melintang adalah agak tidak rapat.

SAIZ

Panjang keseluruhan burung ini adalah di antara 23-24 sm.

MAKANAN

Serangga kecil, invertebra, mamalia kecil dan buah-buahan.

HABITAT

Ia mendiami kawasan hutan dipterokap, hutan tanah pamah, hutan sekunder, hingga ke ketinggian 1,500 m dari aras laut.

BUNYI

Burung jantan biasanya mengeluarkan bunyi kawalan kawasan (*territorial call*) yang kuat dan cepat *pi,hi-hi-hi,hee hew-hew-hew* atau *pihu-pihu*, yang diulang pada nada yang menurun. Bunyi kedua yang dikeluarkan adalah agak teruja dan cepat iaitu *pi pi pihih-pi pih-hi-pi* atau *pi pi pi pi pi-hu-hu-hi pi-hu-hu-hi* atau *pi pi pi pi-hi-hi-hi pi-hi-hi-hi pi-hi-hi-hi* pada nada yang meningkat.

PEMBIAKAN

Pembiakan spesies ini adalah bercorak parasitik iaitu telur yang dihasilkan oleh burung betina akan diletakkan di dalam sarang minivets, Bar-winged Flycatcher-shrike, Common Iora atau White-bellied Yuhina.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.